



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2021

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa
[35 markah]

Soalan 1 – Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan tiga kata adjektif. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Amalan menabung merupakan satu tindakan yang dapat memberikan kesedaran kepada seseorang sebagai persediaan bagi menjamin masa hadapan yang cerah. Kini, amalan menyimpan wang di bank juga antara inisiatif yang efektif bagi memastikan wang tersebut terjaga dan disimpan dengan selamat. Sehubungan dengan itu, bagi menjauhi sikap boros, anak-anak yang masih kecil perlu dididik untuk menabung ibarat peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya. Jelaslah amalan ini dapat mendidik diri agar sentiasa berjimat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Menabung untuk Kemudahan Masa Hadapan'
oleh Nadiah Akmar Ahmad
Dewan Siswa, Bil. 09/2020
[6 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat aktif yang bergaris kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

Pendekatan Tunjang memperkenalkan lima jenis ayat mudah, iaitu ayat binaan, ayat tokoh, ayat sejarah, ayat semasa dan ayat tanya. Sebelum pendekatan yang hebat ini diperkenalkan, pelajar memulakan karangan berdasarkan pengetahuan sedia ada. Jika pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang isu yang dibincangkan, mereka tidak akan mampu menjana idea. Pendekatan Tunjang dapat mengatasi permasalahan ini walaupun mereka mempunyai idea yang terhad.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pendekatan Tunjang dalam Penulisan
oleh Mohd Salleh Haji Hassan
Dewan Bahasa, Bil. 1/2020
[6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Dalam petikan 1, terdapat tujuh kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat enam kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyusun berbagai program sepanjang 10 tahun dalam usaha kearah menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030. Program Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) dikenalkan bagi membentuk masyarakat berilmu yang bertahap dunia. Tidak cukup dengan itu, kerajaan turut menyokong anjuran program membaca, pameran buku dan bengkel penulis dalam membudayakan amalan membaca. Melalui amalan membaca, seorang itu bukan sahaja kaya dengan ilmu pengetahuan, bahkan mampu menyuarakan maklumat dengan baik dan berkesan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya
oleh Yusaida Yusof

Dewan Siswa, Bil. 04/2020

[7 markah]

Petikan 2

Seiring dengan peredaran masa yang pantas, perkembangan teknologi maklumat kini juga mengalami perubahan dari setahun ke tahun. Situasi ini terbukti apabila penggunaan sosial media turut meningkat dengan pesat sehingga berupaya pengaruh gaya hidup masyarakat. Oleh itu, para pengguna seharusnya peka tentang kepentingan melindungi maklumat peribadi supaya tidak sewenang wenangnya berkongsi maklumat peribadi mereka. Hal ini berlaku disebabkan oleh penggunaan maklumat peribadi seseorang yang diperolehi daripada Internet untuk melakukan buli siber.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kawalan Kendiri Lindungi Maklumat Peribadi di Alam Maya
oleh CMCF Malaysia

Dewan Siswa, Bil. 1/2019

[6 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirlah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?"

Maka sembahnya, "Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?"

Dipetik daripada
Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian senaraikan dua peribahasa yang sesuai berdasarkan petikan tersebut.

Beberapa tokoh pemimpin muda di dunia telah membuktikan bahawa sesiapa pun boleh menjadi ketua tanpa mengira usia. Keterampilan dalam memimpin jika digilap dapat mempertajam daya kepemimpinan tanpa mengenal erti putus asa. Hal ini amat penting dalam usaha untuk mematangkan diri menjadi ketua yang berwibawa. Bagi melengkapkan diri sebagai ketua, remaja perlu banyak membaca buku dalam pelbagai bidang termasuk buku tentang pengurusan dan kepemimpinan supaya lebih matang dalam membuat keputusan.

[4 markah]

Bahagian B: Pemahaman
[35 markah]

Soalan 6 – Petikan Umum

Baca Bahan 1 dan Bahar 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Setiap individu tidak kira sama ada dewasa, remaja atau kanak-kanak perlu memiliki harga diri untuk menjadikan seseorang itu lebih percaya kepada diri sendiri. Harga diri ialah pandangan seseorang terhadap diri sendiri tentang keupayaan untuk mencapai kecemerlangan dalam hidup. Oleh itu, remaja perlu mempunyai tingkah laku yang baik untuk meletakkan dirinya pada landasan yang betul. Hal ini amat penting untuk menentukan kejayaan remaja dengan berbekalkan pendidikan dan budi pekerti yang luhur.

Dalam keinginan untuk *mencapai matlamat*, remaja seharusnya memiliki disiplin yang tinggi apabila diberikan sesuatu tugas. Kemudian, remaja haruslah berusaha dengan sedaya upayanya menjadikan tugas tersebut sebagai dorongan untuk lebih berjaya dan cemerlang. Selain itu, kebiasaan remaja yang cemerlang sentiasa menjaga penampilan diri agar sentiasa kemas.

Dipetik dan diubah suai daripada
 Remaja Perlu Mempunyai Harga Diri
 oleh Izani Haji Daud
Dewan Siswa, Bil. 1/2018
 Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Setiap remaja perlu mempunyai misi bahawa kecemerlangan dan memiliki harga diri amat penting untuk dicapai. Usaha untuk membina remaja yang cemerlang dari segala segi bermula pada peringkat awal. Menurut Dr. Aminuddin Mansor dalam artikelnya yang bertajuk ‘Disiplin Diri Pacu Kecemerlangan’, pembentukan disiplin dalam kalangan remaja seharusnya bermula dari rumah dan sekolah.

Seterusnya, remaja perlu berusaha dengan sebaik mungkin untuk lebih mendisiplinkan diri ketika menyiapkan tugas yang diberikan seperti menyiapkan kerja rumah, latihan dan kerja kursus pada tarikh yang ditetapkan. Selain itu, remaja perlu mengukuhkan kualiti diri dengan tingkah laku yang baik dan amalan berbudi bahasa. Kebiasaanannya, remaja yang cemerlang akan mengelakkan pelbagai gejala sosial agar murid menjadi lebih fokus untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Dipetik dan diubah suai daripada
 Remaja Cemerlang, Negara Terbilang
 oleh Khairul Anuar Harith Fadzillah
Dewan Siswa, Bil. 3/2018
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mencapai matlamat*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan ciri remaja yang memiliki harga diri yang cemerlang. [3 markah]
- (iii) Sekolah anda akan mengadakan kem jati diri untuk murid-murid tingkatan lima yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti yang perlu diadakan bagi mencapai matlamat program tersebut? [3 markah]

- (iv) Anda ingin menyertai kejohanan olahraga peringkat daerah. Namun, ibu bapa tidak membenarkan anda menyertai kejohanan tersebut kerana beranggapan bahawa kegiatan kokurikulum akan menjelaskan prestasi akademik.

Nyatakan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan untuk meyakinkan ibu bapa bahawa pencapaian dalam bidang kokurikulum juga sangat penting demi kecemerlangan murid. [4 markah]

Soalan 7 – Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sejak kembali, Tuan Booth jauh berubah. Dia tak lagi terperap di estet. Pada setiap petang, biasanya selepas solat asar, dia akan menjengah ke surau. Dia akan duduk berbual-bual, bercerita itu ini, terutama dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap. Ada sekali, sewaktu Ahmad Mutawakkil balik ke kampung, Tuan Booth mengundang kami ke banglonya.

“Dia pelawa kita minum teh di banglonya,” kata Ahmad Mutawakkil. “Saya fikir, Tuan Booth ikhlas nak berbaik-baik.”

Kami terdiam, tak berani bersuara, menantikan kata putus daripada Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap.

Akhirnya, setelah agak lama buntu, Ahmad Mutawakkil *meluahkan pandangan*. “Selama Tuan Booth di sini, sejak dulu lagi, tak pernah dia memusuhi kita. Jadi, saya fikir atas sifat hati Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Hati Melayu tak reti bermusuhan, hati Melayu penuh dengan persahabatan.”

Dipetik daripada
Cinta Ahmad Mutawakkil
oleh Zainal Rashid
dalam antologi *Sejada Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2**PANTUN BUDI**

- 1** Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.

- 2** Yang kurik kundi,
Yang merah saga;
Yang baik budi,
Yang indah bahasa.

- 3** Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.

- 4** Bunga cina di atas batu,
Jatuh daunnya ke dalam ruang;
Adat dunia memang begitu,
Sebab emas budi terbuang.

- 5** Anak beruk di tepi pantai,
Pandai melompat pandai berlari;
Biar buruk kain dipakai,
Asal hidup pandai berbudi.

- 6** Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

- 7** Padang Temu padang baiduri,
Tempat raja membangun kota;
Bijak bertemu dengan jauhari,
Bagai cincin dengan permata.

*Sumber: Puisi Melayu Tradisi
(peny.) Mohd. Yusof Md. Nor dan Dr. Abd. Rahman Kaeh
dalam antologi Baik Budi Indah Bahasa
Kementerian Pendidikan Malaysia*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *meluahkan pandangan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan budi bahasa dalam kehidupan masyarakat. [4 markah]
- (iii) Amalan budi bahasa dalam kalangan masyarakat di negara kita semakin luntur.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan masalah ini berlaku?
[3 markah]

- (iv) Semasa beriadah di taman rekreasi, anda terserempak dengan sekumpulan anak muda yang sedang mengganggu, meninggikan suara dan mengejek seorang tua. Anda tidak senang dengan tindakan kumpulan anak muda tersebut.

Sebagai remaja yang prihatin, bagaimanakah anda menangani situasi itu?
[4 markah]

Soalan 8 : Novel

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Jadi, secara umumnya anda mencadangkan yang Majlis Daerah Kuala Selangor perlu melakukan penilaian semula terhadap pelan pencahayaan bandar ini?” Dato’ Haji Mustofa al-Hamidi bertanya lanjut.

“Ya, dan bukan itu sahaja. Majlis Daerah Kuala Selangor juga perlu merancang semula setiap pelan pencahayaan bandar ini dan melaksanakannya dalam tahun kewangan yang akan datang, iaitu pada tahun hadapan,” jelas Muhammad Taufik.

Dato’ Haji Mustofa berdiam diri untuk berfikir.

“Selain itu, sebagai persediaan untuk projek ini, premis-premis komersial perlu dialihkan dari Balai Cerap Sultan Salahuddin dan tebing Sungai Selangor, sekurang-kurangnya 10 kilometer.”

“Tunggu,” kata Dato’ Haji Mustofa.

“Persediaan untuk apa?”

“Akhirnya, Dato’ juga diharap dapat meneliti cadangan kami untuk mewartakan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap, iaitu yang pertama dalam negara kita,” kata Muhammad Taufik, menamatkan pembentangannya.

Dipetik daripada
Novel Bimasakti Menari
Karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, nyatakan cadangan-cadangan yang diberikan Muhammad Taufik ketika pembentangannya di hadapan Dato’ Haji Mustofa. [4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- (e) Tirani, karya Beb Sabariah
- (f) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- (g) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari,uraikan peristiwa yang menunjukkan nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut. [6 markah]

Bahagian C : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Pertandingan permainan komputer yang diadakan pada era 1990-an masih tidak diangkat sebagai satu acara sukan yang rasmi. Namun begitu, e-sukan memberikan banyak manfaat kepada para pemainnya, khususnya bagi mereka yang benar-benar meminati bidang ini. Pemain-pemain akan ditawarkan ganjaran dan hadiah yang lumayan. Aktiviti ini juga mampu memberikan impak positif kepada sektor pelancongan negara melalui penganjuran pertandingan bertaraf antarabangsa. Rentetan itu, pelbagai pihak mula memberikan tumpuan khusus demi memajukan e-sukan di Malaysia.


Dalam Belanjawan 2019, pihak kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta bagi pembangunan e-sukan. Keprihatinan kerajaan terhadap perkembangan e-sukan jelas menunjukkan bahawa sukan tersebut mempunyai potensi untuk memartabatkan nama negara di persada antarabangsa seiring dengan sukan-sukan yang lain. Dalam usaha merancakkan pembangunan e-sukan di Malaysia, Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan RM10 ribu kepada Jabatan Belia dan Sukan Melaka (JBSM) bagi membangunkan e-sukan di negeri itu. E-sukan telah mengalami evolusi yang luar biasa ibarat cendawan tumbuh selepas hujan apabila pelbagai jenis permainan video telah dibangunkan dan diperkenalkan dalam pertandingan e-sukan. Seiring dengan itu, kerajaan merancang untuk mengadakan pertandingan e-sukan di pelbagai peringkat.

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat anak muda daripada pelbagai latar yang melibatkan masyarakat luar bandar dan bandar. Dalam usaha memartabatkan e-sukan, kerajaan negeri Melaka merancang untuk membina stadium e-sukan dalam tempoh dua tahun. Pembinaan stadium ini diharapkan dapat menggalakkan penyertaan anak muda. Untuk melahirkan atlet yang profesional, e-sukan boleh dijadikan subjek dalam pembelajaran di sekolah ataupun di peringkat pengajian tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana e-sukan lebih didominasi dan diminati oleh golongan muda. Bagi melahirkan tenaga pengajar e-sukan, satu kursus baharu perlu diwujudkan di peringkat universiti. Kesimpulannya, e-sukan mempunyai potensi untuk maju pada masa hadapan. Penglibatan golongan muda dalam industri sukan baharu ini seharusnya diiktiraf pada peringkat yang lebih tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
E-Sukan: Alternatif Baharu untuk Berekreasi
oleh Zulfikar Mohd Yusof
Dewan Siswa, Bil. 03 2019

Bahan 2 – Grafik


- ❖ Imej Malaysia meningkat - tangga ke-20 dalam pasaran e-sukan global tahun 2018.
- ❖ Komuniti e-sukan seramai 4.5 juta orang.
- ❖ Penggemar tegar e-sukan seramai 1.9 juta orang.

PELUANG PEKERJAAN DALAM E-SUKAN


Pengulas




Penterjemah



Penganalisis




Atlet e-sukan




Pengurus Media Sosial



Staf Penyiaran



Pengurus Atlet



Jurulatih Permainan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT